

## **Isu sosioekonomi di kawasan Parlimen P021 Parlimen Kota Bharu, Kelantan pasca PRU ke-15**

Mohd Firdaus Mokhtar<sup>1</sup>, Mazlan Ali<sup>1</sup>, Junaidi Awang Besar<sup>2</sup>, Rasheed Mohamed Kuty<sup>1</sup>,  
Nik Mohd Zaim Ab Rahim<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)  
<sup>2</sup>Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan Sosial dan Persekitaran,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Correspondence: Junaidi Awang Besar (email: [jab@ukm.edu.my](mailto:jab@ukm.edu.my))

Received: 3 December 2025; Accepted: 1 March 2026; Published: 21 May 2026

### **Abstrak**

Artikel ini meneliti keutamaan isu-isu yang dianggap penting oleh rakyat Kelantan untuk ditangani oleh parti politik khususnya dalam konteks pasca Pilihan Raya Umum ke 15. Berdasarkan data yang dikemukakan dalam tinjauan persepsi awam, enam isu utama telah dikenal pasti, antaranya ialah pemeliharaan kepentingan agama Islam, penurunan harga barang, peningkatan taraf hidup rakyat, peluang pekerjaan dan pemartabatan kedudukan orang Melayu serta peningkatan taraf infrastruktur. Penulisan artikel ini dilakukan berdasarkan data primer iaitu soal selidik terhadap 1,000 orang responden dari pelbagai latar belakang melibatkan 32 jumlah daerah di kawasan Parlimen Kota Bharu, Kelantan manakala data sekunder iaitu rujukan daripada kajian lepas dalam artikel jurnal, kertas seminar, laporan akhbar dan media sosial. Dapatan menunjukkan kecenderungan kuat rakyat terhadap isu agama berbanding ekonomi dan pembangunan fizikal, mencerminkan corak politik Kelantan yang unik dan konsisten dengan dominasi PAS di negeri tersebut. Artikel ini mengkaji bagaimana isu-isu ini mencerminkan corak sokongan politik serta implikasinya terhadap dasar awam dan strategi politik di negeri tersebut. Artikel ini merumuskan bahawa rakyat Kelantan mengekalkan sokongan terhadap kerajaan negeri pimpinan Pas di Kelantan atas dasar identiti agama dan budaya, namun pada masa yang sama menuntut perubahan dalam aspek pembangunan sosioekonomi dan pentadbiran yang lebih responsif. Oleh itu implikasi kajian ini adalah dapat menambahkan lagi data dan analisis kajian berkenaan politik pilihan raya di samping dapat mencadangkan pendekatan baharu kepada pembuat dasar.

**Kata kunci:** Agama Islam, ekonomi rakyat, Kelantan, persepsi awam, Pilihan Raya Umum ke 15, politik Malaysia

## **Socioeconomic issues in the area of P021 Kota Bharu parliamentary constituency, Kelantan after the 15th General Election**

### **Abstract**

This article examines the priorities of issues that the people of Kelantan consider important to be addressed by political parties, especially in the context of the 15th General Election. Based on the data presented in the public perception survey, six main issues have been identified,

including the preservation of the interests of Islam, the decline in the price of goods, the improvement of the people's living standards, job opportunities and the advancement of the Malays as well as the improvement of infrastructure standards. The writing of this article was done based on primary data, namely a questionnaire to 1,000 respondents from various backgrounds involving 32 districts in the Kota Bharu Parliamentary constituency, Kelantan, while secondary data, namely references from past studies in journal articles, seminar papers, newspaper reports and social media. The findings show that the people's strong inclination towards religious issues compared to economic and physical development, reflects the unique political pattern of Kelantan and is consistent with the dominance of PAS in the state. This article examines how these issues reflect the pattern of political support and their implications for public policy and political strategies in the state. This article concludes that the people of Kelantan maintain their support for the PAS-led state government in Kelantan on the basis of religious and cultural identity, but at the same time demand changes in the aspects of socio-economic development and more responsive administration. Therefore, the implications of this study are that it can add further data and analysis to studies regarding electoral politics, as well as being able to suggest new approaches to policymakers.

**Keywords:** Islam, people's economy, Kelantan, public perception, General Election 15, Malaysian politics

## Pengenalan

Dalam landskap politik Malaysia, negeri Kelantan sering dilihat sebagai satu anomali politik yang unik. Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) telah menjadi titik penting dalam landskap politik Malaysia, khususnya di negeri Kelantan yang terkenal dengan sokongan majoriti terhadap Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Kelantan merupakan antara negeri yang konsisten mengekalkan pemerintahan PAS sejak 1990 dengan pengecualian beberapa tahun pada era pemerintahan Barisan Nasional. PRU15 menyaksikan majoriti rakyat Kelantan terus memberi mandat kepada PAS melalui Perikatan Nasional. Dalam PRU-15 yang berlangsung pada 19 November 2022, PAS memenangi hampir semua kerusi Parlimen di negeri tersebut melalui gabungan Perikatan Nasional (PN), menandakan sokongan padu terhadap agenda Islamik yang diperjuangkan parti tersebut. Namun begitu, di sebalik kestabilan politik, terdapat suara-suara dari rakyat yang mula menilai semula keutamaan dan prestasi kerajaan negeri dalam menangani isu rakyat. Dalam konteks ini, memahami keutamaan rakyat terhadap isu-isu sosial dan politik menjadi penting untuk menilai hala tuju dan keberkesanan strategi parti politik dalam memenuhi harapan pengundi. Walau bagaimanapun, menjelang dan selepas PRU, wacana politik di Kota Bharu sering tertumpu kepada isu-isu yang menyentuh kepentingan agama, ekonomi dan identiti bangsa. Pasca PRU-15, pengundi Parlimen Kota Bharu berdepan isu sosioekonomi utama seperti kos sara hidup meningkat, peluang pekerjaan terhad, pendapatan rendah golongan B40, kebergantungan kepada sektor informal serta kebimbangan terhadap bantuan kerajaan, kebajikan sosial dan pembangunan ekonomi bandar yang inklusif serta mampan. Justeru, kajian ini cuba menelusuri persepsi rakyat Kelantan pasca PRU-15 bagi menilai sejauh mana keseimbangan antara idealisme politik dan realiti kehidupan rakyat dapat dicapai.

## Kajian literatur

Selepas PRN 2023, PAS kekal memerintah dan menerima sokongan kuat daripada majoriti penduduk negeri Kelantan. Namun begitu, sokongan politik tidak menjamin penyelesaian kepada masalah asas yang telah lama menghantui rakyat Kelantan, termasuk isu ekonomi, pekerjaan dan infrastruktur. Persoalan utama yang timbul ialah sejauh mana kepimpinan negeri berjaya menyelaraskan keutamaan agama dengan keperluan pembangunan rakyat?. Menurut Noor dan Funston (2020), politik Malaysia banyak dipengaruhi oleh elemen identiti, khususnya identiti agama dan etnik. Perkara itu turut disokong oleh Shamsul (2008) dengan kenyataan bahawa politik identiti memainkan peranan besar dalam menentukan corak sokongan pengundi di Kelantan. Faktor agama, budaya dan ketokohan politik memainkan peranan dominan dalam pembentukan kesetiaan politik (Ahmad Fauzi, 2019; Farish Noor, 2020). Parti-parti politik sering menggunakan naratif keagamaan untuk mendapatkan sokongan pengundi, khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu-Muslim. Ini selari dengan kajian oleh Zainal Abidin (2018) dimana beliau menegaskan bahawa kesetiaan terhadap PAS tidak hanya bergantung kepada prestasi pentadbiran semata-mata tetapi juga didorong oleh naratif agama dan sentimen identiti yang mendalam.

PAS sebagai pemerintah negeri menekankan pentadbiran yang berlandaskan syariah. Pengukuhan peranan Mahkamah Syariah, peningkatan bajet untuk Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) dan pelaksanaan dasar pematuhan syariah dalam sektor perniagaan adalah antara usaha ke arah ini. Namun, pengkritik berpendapat bahawa penekanan yang berlebihan kepada simbolisme agama kadangkala mengalihkan fokus daripada penyelesaian isu-isu ekonomi yang lebih mendesak. Kajian oleh IDE (Institut Darul Ehsan) pada 2023 menunjukkan bahawa sebahagian besar penduduk Kelantan menghargai usaha kerajaan negeri dalam menjaga nilai-nilai Islam, tetapi dalam masa yang sama, mereka juga menuntut agar isu harian seperti bekalan air bersih dan peluang pekerjaan diberi perhatian sewajarnya.

Pasca PRN 2023, rakyat meletakkan harapan yang tinggi kepada kerajaan negeri dan pusat untuk meringankan bebanan yang ditanggung dengan menstabilkan harga barang keperluan. Namun, tekanan inflasi global dan kebergantungan Kelantan terhadap barangan dari luar negeri menjadikan isu ini lebih mencabar. Ramai penduduk terpaksa berbelanja tinggi untuk barangan asas seperti minyak masak, beras dan ayam. Dan ini sangat membebankan terutama bagi rakyat yang berpendapatan rendah.

Kajian oleh Gomez dan Saravanamuttu (2019) menunjukkan bahawa isu ekonomi seperti kos sara hidup dan harga barang kekal sebagai antara faktor utama dalam pemilihan parti. Ini turut diperkuat oleh dapatan kajian ini, di mana penurunan harga barang merupakan isu kedua terpenting bagi rakyat. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Kelantan merupakan antara negeri yang mencatatkan pendapatan isi rumah median terendah pada tahun 2022. Ini bermaksud walaupun harga barang mungkin seragam di seluruh negara, beban yang ditanggung rakyat Kelantan adalah jauh lebih tinggi.

Walaupun PRU 15 telah lama berlalu, tetapi masalah kekurangan peluang pekerjaan masih menjadi isu yang sering dibahaskan di Kelantan. Ramai anak muda berhijrah ke negeri lain seperti Selangor dan Kuala Lumpur demi mencari pekerjaan dengan pendapatan yang lebih baik. Sektor perindustrian yang terbatas serta pelaburan luar yang rendah disebabkan kekangan infrastruktur dan dasar mesra pelabur yang tidak konsisten memburukkan lagi keadaan. Tingkah laku pengundi dalam konteks Malaysia pasca 2018 menunjukkan kecenderungan ke arah pragmatisme politik (Welsh, 2021). Isu praktikal seperti peluang pekerjaan dan infrastruktur semakin mendapat perhatian, namun masih belum menjadi isu dominan. Kajian oleh Mohd Noor (2021) menunjukkan bahawa meskipun berlaku ketidakpuasan terhadap aspek ekonomi, pengundi di Kelantan masih mengekalkan sokongan terhadap PAS kerana faktor simbolik yang kukuh. Ini menjelaskan mengapa isu-isu seperti ekonomi tidak semestinya

menjadi faktor penentu dalam perubahan undi. Namun begitu, Ismail et al. (2019) menegaskan bahawa faktor ekonomi, khususnya kos sara hidup dan peluang pekerjaan, semakin menjadi penentu dalam kalangan generasi muda.

Walaupun kerajaan negeri berusaha mempromosikan ekonomi Islam dan industri halal, pelaksanaannya masih dalam skala kecil. Ketidakstabilan hubungan antara kerajaan negeri dan Persekutuan terutama apabila parti pemerintah dari dua entiti berbeza. Keadaan ini juga menjadi salah satu faktor yang menghalang kelancaran bantuan pusat dan pelaksanaan projek besar. Kelantan sering dikritik kerana ketinggalan dari segi pembangunan fizikal. Isu bekalan air bersih, sistem perparitan, dan jalan raya rosak menjadi rungutan utama rakyat. Rancangan membina Lebuhraya Central Spine Road (CSR) misalnya, mengalami kelewatan bertahun-tahun. Walaupun kerajaan negeri menyatakan komitmen terhadap pembangunan, kebergantungan terhadap bajet Persekutuan serta pengurusan projek yang tidak efisien menimbulkan persoalan mengenai keberkesanan pentadbiran sedia ada.

Sebagai negeri yang hampir 95% penduduknya berbangsa Melayu, Kelantan sering dijadikan model kekuatan Melayu-Islam. Namun, keunggulan bangsa bukan hanya terletak pada simbol budaya dan identiti, tetapi juga pencapaian dalam pendidikan, ekonomi dan inovasi. Rakyat Kelantan perlu didorong untuk terlibat lebih aktif dalam bidang keusahawanan, pendidikan tinggi, dan teknologi, selari dengan nilai Islam yang menekankan kemajuan umat.

Azmil (2022) menyatakan bahawa selepas memenangi semula Kelantan daripada UMNO pada tahun 1990, PAS telah mengubah dirinya menjadi sebuah jentera politik moden yang cekap, terutamanya dalam menyebarkan agendanya kepada rakyat Kelantan dan mendekati ramai pengundi Kelantan dari luar negeri.

Abdul Aly Syafiq dan Junaidi (2024) menyatakan bahawa 96 peratus responden di kawasan DUN Panchor, Kelantan menyatakan faktor utama pengundi mengundi Perikatan Nasional (PN) adalah atas dasar pengalaman dan jasa ketika mentadbir negara ketika era Pandemik COVID-19. Seterusnya, 96 peratus responden menganggap PAS memperjuangkan syariat Islam sebagai tonggak tertinggi dan 58 peratus responden pula mengundi PH disebabkan oleh parti berbilang kaum yang sesuai dengan etnik pengundi. Seterusnya, 83.7 peratus responden menyatakan jasa BN dalam memajukan negara merupakan salah satu faktor pengundi mengundi Barisan Nasional (BN). Hasil kajian juga mendapati bahawa 100 responden merasakan pemilihan parti politik memberi kesan kepada pembentukan kerajaan.

Junaidi dan Zulsyazrina (2024) menyatakan bahawa kebanyakan responden (pengundi) di kawasan DUN Apam Putra, Kelantan merujuk maklumat politik dan hal ehwal semasa berdasarkan media elektronik dan media alternatif serta sumber lain di kawasan kajian. Majoriti responden memberi reaksi negatif terhadap isu dasar Kerajaan Persekutuan/Pakatan Harapan dan yang lainnya bersikap neutral terhadap isu-isu sedemikian yang tidak melibatkan mereka secara langsung. Bagi isu dasar Kerajaan Negeri/PAS pula, pengundi mempunyai persepsi yang positif terhadap pemerintahan yang dilaksanakan. Keperluan dan keinginan responden dipenuhi rata-ratanya dan mereka berpuas hati. Tambahan juga, jika dilihat dari sudut pembangunan moral dan rohani adalah program pembangunan yang paling memuaskan serta perpaduan rakyat memenuhi kepentingan pengundi dari aspek keharmonian dan kesejahteraan.

Mustafa (2025) menjelaskan bahawa sesungguhnya tidak ada yang luar biasa tentang status kepimpinan UMNO Kelantan hari ini. Kepimpinan parti pernah menghadapi detik-detik kejatuhan dalam tahun-tahun 1960-an sebaik sahaja tewas di tangan PAS dalam Pilihan Raya Umum 1959. Di antara alasan yang diberikan atas kelemahan kepimpinan UMNO ketika itu ialah konflik dalaman dan situasi berpecah-belah yang sedang melanda parti. Sekarang dakwaan yang serupa sebagaimana yang dapat diperhatikan dalam tahun-tahun 1960-an itu masih berlaku. Perpecahan terjadi dalam kepimpinan UMNO sendiri. Ada pihak yang mendakwa daripada kumpulan yang berketuakan Mustapha Mohamad; ada yang menjadi proksi dan memihak kepada Tengku Razaleigh Hamzah; ada yang berpihak pada Annuar Musa,

malah ada lagi yang lain. Budaya perpuakan dalam kepimpinan UMNO Kelantan adalah faktor yang menghalang kemenangan parti itu di negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia itu.

Berdasarkan kajian lepas yang dinyatakan, jurang kajian dalam kajian lepas tersebut adalah kebanyakan kajian terdahulu menumpukan sama ada kepada politik identiti (agama, etnik, simbolisme PAS) atau isu ekonomi secara berasingan, tetapi kurang kajian yang mengintegrasikan hubungan antara keutamaan agama dan keperluan pembangunan sosioekonomi dalam satu kerangka analisis yang menyeluruh. Banyak kajian membincangkan naratif dan persepsi, tetapi kurang kajian yang menilai secara kritikal keberkesanan sebenar dasar pentadbiran Islam negeri terhadap penyelesaian masalah ekonomi, pekerjaan dan infrastruktur. Justeru penulisan artikel ini akan mengisi kelompangan maklumat atau analisis berdasarkan isu pasca PRU-15 di kawasan kajian.

## Metodologi kajian

Kajian ini dijalankan di negeri Kelantan selepas Pilihan Negeri 2023 (PRN) dengan tujuan mengenalpasti isu-isu utama rakyat serta menilai sikap dan persepsi rakyat terhadap kerajaan negeri yang diterajui PAS di bawah gabungan Perikatan Nasional. Dengan jumlah pengundi berdaftar melebihi 1.4 juta orang dan 45 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), kajian ini menggunakan data kuantitatif yang dikumpulkan oleh penyelidik dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menggunakan kaedah tinjauan di lapangan. Saiz sampel kajian adalah seramai 1,000 orang responden dari pelbagai latar belakang melibatkan 32 jumlah Daerah Mengundi di Parlimen Kota Bharu. Nilai ini masih tinggi berdasarkan sampel Krejcie dan Morgan (1970) merujuk kepada saiz sampel minimum yang diperlukan bagi mewakili sesuatu populasi secara statistik dengan tahap keyakinan 95% dan ralat pensampelan  $\pm 5\%$  iaitu 384 responden dalam sesuatu kajian.

Parlimen Kota Baru dilihat lebih signifikan dan sangat sesuai dijadikan kawasan kajian kerana penduduknya terdiri dari pelbagai latar belakang politik dan kelas social. Perincian peratusan parti politik diterangkan dalam Jadual 1. Kota Bharu menempatkan pelbagai lapisan masyarakat dari segi pekerjaan, tahap pendidikan, dan latar belakang sosioekonomi. Kajian di kawasan ini membolehkan penyelidik mendapatkan data yang mewakili pelbagai golongan dan dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh dan seimbang terhadap persepsi serta keutamaan rakyat terhadap isu pembangunan dan pentadbiran kerajaan negeri. Pemilihan responden dilakukan melalui kaedah pensampelan purposif/bertujuan, mengambil kira faktor demografi seperti jantina, pendidikan, pekerjaan dan latar belakang politik. Kaedah ini dipilih kerana ia sesuai untuk mengukur sikap, kepercayaan dan pandangan masyarakat secara meluas dan sistematik. Analisis perbandingan dibuat antara dapatan ini dengan literatur terdahulu bagi membentuk satu naratif politik semasa. Data merangkumi demografi seperti umur, pekerjaan, tahap pendidikan dan pendapatan bulanan. Data dibentangkan dalam bentuk carta dan jadual, dan dianalisis menggunakan kaedah kuantitatif deskriptif perbandingan terhadap trend politik semasa dan sosioekonomi pasca PRU-15.

**Jadual 1.** Keahlian parti politik

Keahlian parti politik	Peratus (%)
PAS	46.0
Tidak Berparti	14.50
UMNO	13.4
Lain-Lain	12.0

PKR	4.80
BERSATU	3.10
AMANAH	2.10
DAP	1.50
MIC	1.50
MCA	0.80
PEJUANG	0.20
MUDA	0.10

## Hasil kajian dan perbincangan

Berdasarkan data yang dikemukakan dalam tinjauan persepsi awam, enam isu utama telah dikenal pasti, antaranya ialah pemeliharaan kepentingan agama Islam, penurunan harga barang, peningkatan taraf hidup rakyat, peluang pekerjaan dan pemartabatan kedudukan orang Melayu serta peningkatan taraf infrastruktur. Dapatan menunjukkan kecenderungan kuat rakyat terhadap isu agama berbanding ekonomi dan pembangunan fizikal, mencerminkan corak politik Kelantan yang unik dan konsisten dengan dominasi PAS di negeri tersebut.

### *Isu-isu utama yang harus ditangani oleh parti politik di Parlimen Kota Bharu, Kelantan*

Kota Bharu, sebagai pusat pentadbiran dan ekonomi negeri, menjadi barometer kepada perubahan sentimen politik rakyat Kelantan. Dalam PRU15 yang lalu, dominasi PAS terus mengukuh dengan PN meraih 43 daripada 45 kerusi DUN Kelantan. Ini memberi gambaran bahawa pengundi terus memberi kepercayaan kepada pendekatan politik Islam konservatif. Namun begitu, terdapat pelbagai isu berbangkit yang mana pada persepsi pengundi ianya harus ditangani oleh parti politik yang telah diamanahkan seperti janji-janji sewaktu PRU. Ini membuka ruang kepada wacana baru dalam strategi politik di negeri ini. Pengundi lebih memberi focus kepada isu kepentingan agama, ekonomi dan identiti bangsa.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan terhadap responden, terdapat enam isu utama yang sering diperdebatkan dengan isu dalam menjaga kepentingan agama Islam dari ancaman agama lain berada di tempat pertama dengan peratusan yang tertinggi iaitu sebanyak 36.0%. Isu ini kekal dominan menjelang PRU, selari dengan identiti Kelantan sebagai negeri Islam. Keutamaan terhadap isu menjaga kepentingan agama Islam menunjukkan bahawa unsur agama masih menjadi teras identiti politik rakyat Kelantan. Ini berkait rapat dengan sejarah panjang pentadbiran PAS yang meletakkan dasar-dasar Islam sebagai keutamaan dalam pentadbiran negeri. PAS telah lama membina naratif kepimpinan Islamik melalui "Membangun Bersama Islam", yang bukan sahaja mengakar dalam budaya politik negeri tetapi juga menjadi asas legitimasi kuasa (Faruqi, 2022; Noor, 2020). Retorik politik menekankan pentingnya mempertahankan akidah dan menolak pengaruh budaya luar yang dilihat mengancam nilai Islam. Walaupun sering dikritik sebagai retorik berlebihan, data tinjauan menunjukkan ia tetap menjadi faktor sokongan utama kepada parti pemerintah negeri. Hal ini menunjukkan bahawa rakyat Kelantan masih meletakkan nilai agama sebagai asas utama dalam membuat keputusan politik. Kecenderungan ini sejajar dengan orientasi PAS yang mengutamakan agenda Islam dalam setiapa dasar dan naratif politik mereka (Hamid, 2020).

Isu syariah memainkan peranan penting dalam politik Kelantan. Kes Mahkamah Persekutuan yang mencabar keabsahan beberapa kesalahan dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) Kelantan 2019 menjadi titik penting pasca PRU-15. PN memanfaatkan isu ini untuk mengukuhkan naratif bahawa pihak kerajaan pusat cuba mencampuri urusan agama Islam di negeri majoriti Melayu ini. Bagi pengundi di Kota Bharu, wacana ini bukan sekadar

perundangan, tetapi juga menyentuh identiti dan maruah negeri. Keadaan ini telah menimbulkan ketidakpuasan hati dalam kalangan pengundi Kelantan terhadap persekutuan. Rakyat Kelantan memang terkenal dengan sentiment kenegerian yang sangat tinggi, dan isu ini umpama bom yang meledakkan kemarahan mereka yang mana menjadi titik kejayaan kepada PN dalam PRU15 di Kelantan khususnya Kota Bharu. Ini menunjukkan bahawa keutamaan kepada parti bukan semata-mata soal prestasi dasar, tetapi soal representasi identiti dan “perlindungan akidah” seperti yang sering ditekankan dalam kempen PAS. Menurut Ahmad Fauzi Abdul Hamid (2021), politik Kelantan berasaskan politik identiti Islam di mana rakyat melihat perjuangan agama sebagai lebih utama daripada pembangunan material. Kecenderungan ini sejajar dengan orientasi PAS yang mengutamakan agenda Islam dalam setiap dasar dan naratif politik mereka (Hamid, 2020).

Menjelang PRU-15, retorik politik PN di Kelantan banyak menekankan ancaman terhadap kedudukan Islam daripada pengaruh liberalisme, pluralisme agama, dan sekularisme. Kajian oleh Institut Darul Ehsan (IDE, 2023) mendapati 72% pengundi Melayu Muslim di Kelantan percaya bahawa “Islam perlu dipertahankan daripada ancaman ideologi luar”. Retorik ini diperkukuh melalui khutbah Jumaat, ceramah politik dan media sosial yang menyebarkan mesej tentang keperluan mempertahankan Islam menjadikan ia lebih sahih dan berautoriti dalam kalangan pengundi. Menurut Shamsul (2019), proses sosialisasi politik di Kelantan berakar dari pendidikan agama dan kegiatan dakwah, menjadikan isu Islam lebih mudah diterima sebagai keutamaan politik.

Sejak sekian lama, terdapat sentimen yang kuat di Kelantan bahawa kerajaan persekutuan (terutamanya di bawah Pakatan Harapan dan Barisan Nasional) bersikap acuh tak acuh dan tidak menitikberatkan pembangunan Islam di negeri itu. Isu-isu seperti kelewatan dana royalti petroleum, kelemahan dalam menangani isu moral (LGBT, arak, hiburan) dan kebimbangan terhadap dasar yang dilihat lebih sekular telah dimanipulasi sebagai bukti kegagalan pihak lawan dalam mempertahankan Islam. Ini disokong dengan Laporan Merdeka Center (2022) yang menunjukkan bahawa sebanyak 67% pengundi Melayu di Kelantan percaya bahawa kerajaan persekutuan “tidak cukup serius mempertahankan Islam.” Keadaan ini memberi kelebihan kepada kerajaan negeri dalam meyakinkan pengundi bahawa hanya mereka yang benar-benar ikhlas memperjuangkan Islam yang mana akhirnya PN (dominan PAS) telah menyapu bersih semua 14 kerusi Parlimen di Kelantan pada PRU-15.

Dapatan ini mencerminkan keutamaan rakyat terhadap isu keagamaan mengatasi isu ekonomi dan pembangunan fizikal, sekaligus menjelaskan kekuatan naratif PAS yang menekankan syariah dan moral Islam dalam kempen mereka. Hal ini juga menunjukkan bahawa sentimen agama bukan sahaja digunakan sebagai alat retorik politik, tetapi telah benar-benar menjadi sebahagian daripada sistem nilai rakyat Kelantan. Namun, wujud perdebatan tentang sejauh mana naratif ini berfungsi sebagai solusi sebenar kepada permasalahan sosioekonomi yang dihadapi oleh Kelantan. Menurut Mohd Fauzi dan Othman (2019), wujud kecenderungan ke arah “politik simbolik” di mana agama digunakan bukan semata-mata untuk memperkasakan spiritual masyarakat, tetapi sebagai alat pengekalan kuasa. Teori “*captive mind*” atau minda tertawan yang dikemukakan oleh Syed Hussein Alatas (1977) juga berperanan di sini apabila rakyat terperangkap dalam satu sistem pemikiran yang memisahkan antara keberkesanan pentadbiran dengan kesetiaan ideologi.

Isu kedua yang seringkali diperdebatkan di kalangan pengundi di Kelantan khususnya Kota Bharu adalah tentang penurunan harga barangan dengan mencatatkan sebanyak 31.0%. Isu kos sara hidup, khususnya harga barang asas, menjadi keprihatinan utama rakyat Malaysia, lebih-lebih lagi di negeri seperti Kelantan yang memiliki profil pendapatan rendah dan kadar kemiskinan relatif tinggi berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Kota Bharu sebagai pusat ekonomi negeri menyaksikan betapa tekanan harga barangan harian yang tidak selari dengan pendapatan isi rumah purata ini telah memberi impak yang besar kepada pengundi. Dalam

PRU15, isu ini mendapat perhatian melalui janji-janji penurunan harga, namun sehingga kini, belum ada pelan bersepadu yang menunjukkan hasil nyata dan laporan-laporan pasaran menunjukkan bahawa harga barang kekal tinggi. Barang seperti ayam, telur, minyak masak, dan beras mencatat kenaikan 10–25% antara 2022–2024. Rakyat menagih janji-janji ditunaikan terutama bagi kalangan golongan B40 kerana rata-rata rakyat di Kelantan berada dalam kelompok pendapatan RM1001–RM3000 dengan peratusan tertinggi sebanyak 51.3%, manakala 20.7% pula berpendapatan kurang dari RM1000 sebulan. Data ini jelas menunjukkan bahawa 72% rakyat berada dalam kategori B40, dan hanya 8.5% berada dalam kategori berpendapatan tinggi (>RM5000). Rakyat menuntut langkah konkrit untuk mengawal inflasi dan memastikan akses kepada barangan asas pada harga yang berpatutan.

**Jadual 2.** Pendapatan bulanan responden di Parlimen Kota Bharu

Pendapatan	Peratus (%)
< RM1000	20.7
RM1001–RM3000	51.3
RM3001–RM5000	16.0
> RM5000	8.50

Pengundi menganggap isu ekonomi adalah isu yang patut ditangani dengan serius dan berkesan. Ini mencerminkan keperluan mendesak rakyat terhadap kestabilan harga dan pembangunan sosioekonomi, sejajar dengan cabaran inflasi dan kos sara hidup pasca pandemik COVID-19 dan ketidakstabilan ekonomi global (Mustafa & Rahman, 2023). Rakyat menyedari bahawa sebahagian besar isu ini adalah di bawah bidang kuasa Persekutuan, namun mereka tetap mengharapkan pendekatan kreatif daripada kerajaan negeri seperti subsidi makanan asas tempatan atau galakan pertanian komuniti. Program seperti “Pasar Rakyat Wakaf”, “Kedai Prihatin PN” dan gerai ekonomi digital hanya mencapai komuniti terhad. Isu logistik, kekurangan stok dan harga borong yang tetap tinggi menggagalkan impak yang diharapkan. Bagi rakyat Kelantan yang berpendapatan rendah, keadaan ini sangat membebankan apatah lagi dengan jumlah isi rumah yang ramai menyukarkan lagi keadaan. Kerajaan negeri harus mempertingkatkan usaha dan lebih cakna dengan ini. Parti politik perlu lebih berhati-hati dalam membentuk janji ekonomi agar tidak dilihat menabur harapan kosong.

Isu ketiga yang harus ditangani oleh kerajaan negeri adalah untuk menaikkan taraf hidup rakyat iaitu sebanyak 18.10%. Isu taraf hidup rakyat merupakan salah satu isu berbangkit utama yang sering diperkatakan dalam wacana politik Kelantan, khususnya di kawasan urban seperti Kota Bharu. Seperti yang diketahui, Taraf hidup merujuk kepada tahap kesejahteraan dan kualiti hidup yang dinikmati oleh seseorang atau sesebuah masyarakat yang merangkumi pelbagai aspek dan berkait rapat dengan pekerjaan dan pendapatan bulanan. Jadi tidak hairanlah isu tentang memperbanyakkan peluang pekerjaan menjadi isu yang keempat yang seringkali menjadi perbincangan hangat dikalangan rakyat Kelantan dengan peratusan sebanyak 12.40%. Kota Bharu, sebagai pusat bandar, turut mengalami tekanan ekonomi yang nyata seperti kos barangan asas, peluang pekerjaan yang terhad, dan kemiskinan bandar. Menurut laporan EPU (2023), Kelantan kekal antara negeri dengan kadar kemiskinan relatif tertinggi di Semenanjung Malaysia, menjadikan isu-isu ini lebih mendesak. Di sinilah timbul persoalan sama ada kerajaan negeri dan parti politik sedia ada mampu melaksanakan transformasi ekonomi sebenar dan bukan hanya pada tahap makro, tetapi hingga ke akar umbi masyarakat. Kajian oleh Ong dan Tan (2022) memberi saranan agar pengundi hari ini menuntut politik yang pragmatik, responsif dan berpaksikan penyelesaian nyata, bukan sekadar retorik ideologi. Oleh itu, kebergantungan semata-mata kepada naratif agama tanpa disusuli dasar

pembangunan yang konkrit mungkin tidak lagi mencukupi untuk mengekalkan sokongan jangka panjang.

Kajian ini membuktikan bahawa taraf hidup rakyat Kota Bharu masih rendah dan menjadi isu yang perlu diberi perhatian oleh parti politik selepas PRU15. Faktor pekerjaan tidak yang stabil, kadar pendapatan yang rendah dan tahap pendidikan setakat sekolah menengah adalah punca utama kepada kitaran ekonomi yang terhad. Kekurangan peluang pekerjaan memberi impak yang besar kepada negeri Kelantan kerana ia mendorong ramai belia berhijrah ke kawasan bandar seperti KL, selangor dan Johor bagi meningkatkan taraf hidup. Sekitar 250,000 belia Kelantan (15% daripada populasi) pernah berhijrah ke negeri lebih maju kerana tiadanya peluang pekerjaan yang sesuai di peringkat negeri (Emer Research, 2023). Jumlah ini boleh dikatakan agak besar dan seharusnya diambil serius oleh kerajaan negeri. Dapatan kes kajian di Kota Bharu menyatakan pekerjaan yang tersedia sering bersifat pasaran runcit dengan gaji rendah, menyebabkan minat belia di kawasan itu menurun (Awani International, 2023).

Dengan kos sara hidup yang tinggi dan barangan harian yang mahal, tidak hairan lah ramai belia Kelantan terutama sekali lepasan-lepasan universiti melangkah keluar untuk mencari pekerjaan yang lebih baik terutama di level professional. Kesannya, Kelantan kekurangan modal insan berkemahiran menyebabkan negeri ini lambat menyertai arus pemodenan ekonomi atau transformasi digital. Pada Februari 2023, kadar pengangguran Kelantan adalah 4.1%, lebih tinggi daripada purata nasional 3.5% (Emer Research, 2023). Ini sejajar dengan dapatan kajian iaitu 21% responden tidak bekerja manakala peratusan tertinggi adalah kumpulan bekerja sendiri iaitu 36.3 %. Hanya 6.40% sahaja yang bekerja di sektor kerajaan berbanding 34.9% bekerja di sektor swasta. Jelas disini bahawa isu pekerjaan di Kelantan sangatlah meruncing dan perlu diberi perhatian yang sewajarnya terutama sekali dalam menarik minat golongan belia untuk bekerja di Kelantan.

**Jadual 3.** Pecahan mengikut pekerjaan di Parlimen Kota Bharu

Pekerjaan	Peratus (%)
Bekerja sendiri	36.3
Sektor swasta	34.9
Tidak bekerja	21.0
Kerajaan	6.40

Walaupun naratif agama kekal dominan dalam politik Kelantan, rakyat semakin memerlukan solusi ekonomi yang nyata. Parti politik terutamanya PAS perlu menyeimbangkan idealisme agama dengan dasar pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan dapat menyantuni rakyat khususnya golongan muda dan penduduk luar bandar. Kajian ini turut menyokong dapatan sebelum ini yang menyatakan bahawa politik Kelantan sangat dipengaruhi oleh naratif agama (Noor, 2020), tetapi pada masa yang sama turut dipengaruhi oleh tekanan ekonomi semasa (Moten & Mokhtar, 2022). Dengan pelaksanaan dasar yang mengutamakan pembangunan ekonomi mikro, penciptaan pekerjaan dan modal insan, maka pembangunan sosioekonomi rakyat boleh sejajar dengan kestabilan politik negeri sekali gus memastikan keberdayaan jangka panjang rakyat Kelantan.

Negeri ini telah lama berdepan dengan kadar penghijrahan keluar yang tinggi disebabkan kurangnya peluang ekonomi (Yusof & Hassan, 2021). Penghijrahan ini menimbulkan kesan jangka panjang terhadap struktur sosial, ekonomi, dan demografi negeri kelantan. Kajian Merdeka Center (2024) menunjukkan bahawa 63% golongan muda Kelantan berumur 18–30 tahun memilih untuk menetap di luar negeri untuk membina kerjaya. Mereka berpendapat bahawa negeri tidak menyediakan ekosistem peluang yang mencukupi baik dalam

sektor swasta mahupun keusahawanan. Gaji permulaan bagi golongan profesional di Kelantan jauh lebih rendah berbanding bandar lain dan ini mendorong graduan untuk berhijrah. Dalam kehidupan yang harga barang serba mahal ini, sumber pendapatan yang tinggi amat lah penting untuk membayar segala komitmen dan perbelanjaan.

Penghijrahan juga membawa implikasi sosial, termasuk perpecahan institusi keluarga tradisional, penjagaan warga emas yang terabai dan kehilangan peranan belia dalam pembangunan komuniti. Oleh itu, penting bagi kerajaan negeri Kelantan mula membina perancangan yang berkesan dalam menangani masalah kekurangan peluang pekerjaan dan dalam masa yang sama menyelesaikan isu penghijrahan belia yang banyak merugikan negeri Kelantan.

Isu kelima yang sering dibincangkan adalah tentang memartabatkan kedudukan orang Melayu. Hanya 1.6% responden memilih pemartabatan kedudukan orang Melayu sebagai keutamaan utama. Ini kerana Kelantan merupakan salah satu negeri yang paling homogen demografinya dalam konteks Malaysia. Sekitar 95% penduduknya adalah Melayu-Muslim, meninggalkan hanya minoriti kecil bukan-Melayu (Sathian & Ngeow, 2014). Dalam keadaan ini, jelas menunjukkan bahawa isu memartabatkan orang Melayu tidak menonjol kerana ia dianggap sudah terpenuhi oleh semula jadi dan rakyat merasa selesa serta tidak melihatnya sebagai agenda yang memerlukan tindakan khas. Kajian Sathian dan Ngeow (2014) juga menunjukkan bahawa komuniti Cina di Kelantan memahami bahawa mereka juga adalah “orghe Kelate” (orang Kelantan), dan berusaha menyesuaikan diri dengan norm budaya majoriti. Ini menandakan identiti Melayu di sana sudah bersifat inklusif dan tertanam dalam budaya, bukan semata ideologi politik. Kajian tentang MAIK (Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan) oleh Abd Latif dan Musa (2021) memperlihatkan usaha memodenkan pendidikan tanpa menyisih bukan-Melayu. Ia mendirikan sekolah berasaskan agama dan kebudayaan tetapi secara inklusif dan holistic. Ini menunjukkan bahawa keutamaan budaya Melayu di Kelantan lebih dihargai kerana adalah akar budaya, bukan sekadar projek politik eksklusif.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa Kelantan dikuasai bangsa melayu dengan 86.2% manakala bangsa India sebanyak 7.5% dan bangsa Cina sebanyak 6.2%. Terdapat tanggapan bahawa ‘tiada ancaman’ kerana tiada persaingan langsung antara etnik secara politik mahupun ekonomi di negeri ini. Namun, kajian mendalam menunjukkan bahawa kedudukan orang Melayu di Kelantan dari aspek pembangunan, ekonomi dan mobiliti sosial masih berada dalam kategori berisiko jika tidak diberi perhatian segera. Ini juga memperkukuh tanggapan bahawa identiti agama lebih dominan berbanding identiti etnik dalam menentukan sikap politik di negeri tersebut.


**Jadual 4.** Pecahan mengikut bangsa di Parlimen Kota Bharu

Bangsa	Peratus (%)
Melayu	86.2
India	7.50
Cina	6.20

Walaupun isu infrastruktur seperti jalan raya, bekalan air dan pengurusan sisa pepejal memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi dan sosial, ia masih menjadi isu yang paling kurang dibincangkan dalam kalangan pengundi di Kelantan. Dengan peratusan sebanyak 0.90%, kajian lapangan oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mendapati bahawa isu infrastruktur berada di kedudukan paling bawah dalam senarai keutamaan pengundi Kelantan pasca PRN 2023. Menurut Aziz Bari (2021), budaya politik berteraskan agama cenderung mengabaikan isu-isu teknikal dan pentadbiran seperti pengurusan air dan

perancangan bandar kerana ia dianggap bukan keutamaan spiritual. Ramai pengundi menganggap bahawa isu air dan jalan raya sebagai tanggung jawab persekutuan. Ini mengurangkan tekanan ke atas kerajaan negeri. Menurut Kajian Merdeka Center (2022), 58% responden di Kelantan percaya bahawa kegagalan menyelesaikan isu air berpunca dari kegagalan kerajaan pusat menyalurkan dana. Projek infrastruktur seperti jalan luar bandar menghadapi pelbagai halangan dan rintangan dalam proses tadbir urus termasuk komunikasi antara agensi, kekurangan pakar perancangan dan dana terhad (Mohd Ismail et al., 2021), (Latiff et al., 2021). Isu ini sangat kritikal kerana kegagalan tadbir urus sering membawa kepada pelaksanaan yang lambat atau tidak berkualiti, sekali gus mengurangkan impak positif kepada masyarakat.

Namun, nilai budaya masyarakat Kelantan yang tinggi dengan semangat “bersederhana” dan “redha” juga menjadi salah satu faktor penyebab ramai pengundi kurang menuntut perubahan fizikal atau pembangunan agresif. Kekurangan infrastruktur dianggap sebagai ujian atau realiti hidup yang perlu diterima, bukan ditentang. Namun begitu, laporan World Bank (2022) menekankan bahawa pelaburan dalam infrastruktur tempatan, terutama dalam bidang pengangkutan, kesihatan dan pendidikan, tetap menjadi asas kepada kemapanan jangka panjang negeri yang sedang membangun. Sektor pelancongan desa seperti homestay atau rumah tumpangan dan agro-pelancongan menunjukkan potensi, tetapi memerlukan sokongan infrastruktur asas yang kuat dari segi jalan raya, bekalan elektrik dan internet untuk bertahan dan berkembang (Syahriah Bachok et al., 2019). Infrastruktur digital dan digitalisasi kerajaan juga membolehkan penyertaan masyarakat dan penyampaian perkhidmatan dipertingkatkan, namun pelaksanaannya masih perlahan (Md. Raziuddin Chowdhury et al., 2023)



**Rajah 1.** Isu-isu utama yang patut ditangani oleh parti politik

Oleh itu, peranan parti politik bukan sahaja merespon kepada isu popular, tetapi juga memimpin dengan visi jangka panjang berdasarkan keperluan sebenar pembangunan wilayah. Kerajaan negeri perlu lebih telus dalam menjelaskan peranan mereka terhadap isu air, sampah dan jalan raya agar rakyat tidak hanya menuding kepada kerajaan pusat serta berani meletakkan pembangunan infrastruktur sebagai sebahagian utama manifesto dan bukan hanya tumpu kepada isu moral atau bantuan tunai.

Keterbatasan dalam jaringan pengangkutan awam, jalan raya dan capaian digital membantutkan pertumbuhan ekonomi. Walaupun terdapat projek seperti Lebuhraya Central Spine Road (CSR), kemajuan masih perlahan dan tidak menyeluruh ke kawasan luar bandar. Kekurangan kemudahan asas menjadikan bandar-bandar di Kelantan tidak cukup menarik kepada golongan profesional dan belia. Ini menjadi punca yang mengakibatkan brain drain dan kelumpuhan potensi pembangunan jangka panjang. Majoriti pekerjaan di Kelantan tertumpu dalam sektor informal, perniagaan kecil dan pertanian. Golongan muda sering berhijrah ke Lembah Klang atau Johor untuk mencari kerja yang lebih stabil dan bergaji tinggi. Ini menyebabkan Kelantan mengalami "brain drain" yang merugikan potensi pembangunan tempatan.

Gabungan faktor ini menyebabkan pendapatan rakyat kekal rendah dan tidak seimbang. Ketidaksamaan pembangunan antara bandar dan luar bandar ketara, dan ini menjejaskan kebolehpayaan rakyat untuk meningkatkan taraf hidup. Semakin menurun pendapatan, semakin tinggi keutamaan terhadap peluang pekerjaan. Kelangsungan politik PAS di Kelantan pasca PRU15 memberi peluang kepada kerajaan negeri untuk membuktikan bahawa dasar berteraskan Islam mampu mengangkat taraf hidup rakyat. Namun, ini memerlukan reformasi pentadbiran, keterbukaan terhadap pelaburan luar, dan kerjasama ikhlas dengan kerajaan Persekutuan. Rakyat Kelantan tidak menolak nilai agama, tetapi mereka menuntut dasar yang pragmatik dan berorientasikan hasil.

Kota Bharu, sebagai pusat urban, memerlukan pendekatan politik yang lebih pragmatik. Parti politik perlu mengimbangi antara idealisme agama dengan keperluan pembangunan ekonomi moden. Jika tidak, akan wujud jurang kepercayaan antara rakyat dan kepimpinan politik, terutama dalam kalangan belia dan golongan kelas pertengahan yang semakin tertekan dengan kos sara hidup.

## **Kesimpulan**

Kajian ini menunjukkan bahawa rakyat Kelantan pasca PRU-15 menilai isu agama Islam sebagai paling utama, namun keperluan ekonomi juga tidak boleh diabaikan. Keutamaan ini perlu ditangani secara strategik oleh parti politik agar mereka kekal relevan dan mampu memenuhi harapan rakyat. Dalam jangka masa panjang, keseimbangan antara nilai agama dan pembangunan sosioekonomi akan menjadi penentu utama kepada kelangsungan pengaruh politik di negeri Kelantan.

Dapatan ini mencadangkan parti politik perlu menyusun strategi komunikasi yang berbeza mengikut kelas pendapatan. Golongan berpendapatan tinggi lebih terkesan dengan naratif agama dan identiti, manakala golongan pendapatan rendah memerlukan dasar yang menangani kos sara hidup secara langsung. Sekiranya isu-isu ekonomi dan sosial ini tidak ditangani dengan berkesan, kerajaan negeri berisiko kehilangan sokongan generasi muda yang semakin terdedah kepada maklumat dan lebih kritikal terhadap pencapaian sebenar kerajaan.

Kajian ini membuktikan bahawa taraf hidup rakyat Kelantan, khususnya di Kota Bharu, masih rendah dan memerlukan perhatian serius dari parti-parti politik yang berhasrat mengekalkan kepercayaan rakyat. Data yang ditunjukkan menerusi kajian UTM memberi gambaran jelas bahawa isu pekerjaan, pendidikan dan pendapatan adalah elemen penting dalam perbincangan politik pasca PRU-15. Dari kajian ini, dapat disimpulkan juga bahawa parti politik perlu menyusun strategi komunikasi yang berbeza mengikut kelas pendapatan. Golongan berpendapatan tinggi lebih terkesan dengan naratif agama dan identiti, manakala golongan pendapatan rendah memerlukan dasar yang menangani kos sara hidup secara langsung. Sekiranya parti politik terus berorientasikan agenda yang sempit, tanpa membangunkan dasar inklusif dan pro-rakyat, maka tidak mustahil wujudnya anjakan

sokongan politik dalam PRU akan datang. Justeru, memperbaiki taraf hidup rakyat bukan sahaja tanggungjawab moral, tetapi juga strategi politik yang lestari.

## Penghargaan

Terima kasih pihak Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kuala Lumpur memberikan sokongan kewangan terhadap kajian ini. Penulis juga mengucapkan terima kasih kepada institusi dan pihak yang terlibat yang telah membantu menjayakan kajian ini.

## Rujukan

- Abd Latif, S. F., & Musa, M. (2021). MAIK dan modernisation of education in Kelantan 1917–1957. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 52(1), 45-63.
- Abdul Aly Syafiq Mohd A'Asri & Junaidi Awang Besar. (2024). Tingkah laku politik pengundi di kawasan DUN Panchor, Kelantan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 8(4), 1-14.
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. (2019). Islamic populism in Malaysia: PAS and its religious identity politics. *Contemporary Southeast Asia*, 41(2), 200–221.
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. (2021). *Islamism and Politics in Malaysia: Between Ummah and State*. Springer.
- Aziz Bari, M. (2021). Politics and governance in Kelantan: Between religion and development. *Journal of Southeast Asian Studies*, 52(1), 45-63.
- Azmil Tayeb (2022). *Explaining Pas's Dominance in Kelantan*. ISEAS Publishing.
- Emer Research (2023). Addressing Kelantan's Long-standing Critical Issues - Laporan isu pengangguran dan migrasi.
- Farish A. N. (2020). *PAS: From Islamist Rebels to Political Power*. Strategic Information and Research Development Centre.
- Faruqi, S. S. (2022). *The Public Sphere and Islam in Malaysia: Politics, Society and Law*. Oxford University Press.
- Gomez, E. T., & Saravanamuttu, J. (2019). *The New Economic Policy in Malaysia: Affirmative Action, Ethnic Inequalities and Social Justice*. NUS Press.
- Hamid, A. R. A. (2020). Political Islam and the Malay-Muslim electorate in Malaysia: A sociopolitical analysis. *Journal of Southeast Asian Studies*, 51(2), 215–230.
- Institut Darul Ehsan (IDE). (2023). *Laporan Persepsi Pengundi Melayu Menjelang PRU15*. IDE Research Institute.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2022). Laporan Kesejahteraan Isi Rumah.
- Latiff, A. M. A., Jaapar, A., & Mat Isa, C. M. (2021). Factors influencing governance practices in rural public infrastructure projects: A case study of rural road project in Malaysia. *International Journal of Sustainable Construction Engineering and Technology*, 12(4), 35–45
- Md. Raziuddin Chowdhury, Sourav, M. S. U., & Sulaiman. R. (2023). The role of digital agriculture in transforming rural areas into smart villages.
- Mohd Fauzi, M., & Othman, H. (2019). Politics of Islamic symbolism in Malaysian governance. *Malaysian Journal of Political Science*, 15(2), 112–133.
- Mohd Ismail, M., & Raja Ariffin, R. N. (2021). Institutional challenges in the implementation process: A case study of rural transport accessibility in Kuala Krai, Kelantan. *Institutions and Economies*, 13(2), 125-147.

- Mohd Noor, S. (2021). Persepsi rakyat terhadap PAS di Kelantan: Satu tinjauan awal. *Malaysian Journal of Society and Space*, 17(2), 112–126.
- Mohd Shamsul Amri Baharuddin. (2019). *Politics of Identity in Malaysia: Nation and Everyday Life*. UKM Press.
- Mustafa Ahmad. (2025). Sejarah perkembangan dan perjuangan UMNO Kelantan dalam kelangsungan politik Malaysia 11 Mei 1946 Hingga 11 Mei 2020. *Jurnal Antarabangsa Pengajian Kepulauan Melayu*, 5(02), 1-58.
- Mustafa, M., & Rahman, N. H. A. (2023). Post-pandemic inflation and the Malaysian household economy. *Malaysian Journal of Economic Studies*, 60(1), 45–62.
- Noor, F., & Funston, J. (2020). *Malaysia's 14th General Election and the Fall of the Barisan Nasional*. Routledge.
- Ong, K., & Tan, S. (2022). Youth voter trends and political realignment in Malaysia. *Journal of Asian Public Policy*, 14(3), 299–321.
- Sathian, M. R., & Ngeow, Y. M. (2014). Essentialising ethnic and state identities: Strategic adaptations of ethnic Chinese in Kelantan, Malaysia. *Asian Studies Review*, 38(3), 385-402.
- Shamsul A.B. (2008). *Politics and Culture in Malaysia*.
- Syahriah Bachok, Hafizah Hasbullah, & Tuan Anisdina Tuan Mohd Amin. (n.d.). Rural agro-tourism and local community income: The case study of clustered homestays in Kelantan and Terengganu. *Planning Malaysia*, 17(9).
- Syed Hussein Alatas. (1977). *The Captive Mind*. C.A. Watts.
- Welsh, B. (2021). Voting behaviour in Malaysia: From ethnic loyalty to issue-based preferences. *Asian Survey*, 61(2), 312–336.
- World Bank. (2022). *Malaysia Economic Monitor: Expanding Opportunity*.
- Yusof, N., & Hassan, M. A. (2021). Urban migration trends in Kelantan: Socioeconomic challenges and policy responses. *Southeast Asian Journal of Development*, 18(3), 73–89.
- Zainal Abidin, A. (2018). Voting behavior in Kelantan: The role of religion and tradition. *Journal of Political Science Malaysia*, 12(1), 55–70.
- Zulsyazrina Jusoh & Junaidi Awang Besar. (2024). Gelagat pengundi dalam pilihan raya negeri di kawasan DUN Apam Putra, Rantau Panjang, Kelantan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 8(5), 1-15.